## KAJIAN FUNGSI PERSEKITARAN JALAN ('STREET') SEBAGAI PENYOKONG AKTIVITI DALAM BANDAR

Kajian Kes: Pusat Bandaraya Johor Bahru

## NORHAZLIZA BT. ABD. HALIM

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah

Fakulti Alam Bina Universiti Teknologi Malaysia

SEPTEMBER, 2002

## ABSTRAK'

Fungsi persekitaran jalan (street) di sesuatu kawasan perlu memahami kriteria vang dipertukan mengikut kesesuaian kawasan. Aspek ini berkesinambungan dengan kepentingan fungsi sesuatu persekitaran jalan sebagai ruang untuk aktiviti manusia. Pemahaman ini akan membantu dalam membawa kepada keberkesanan peningkatan yang dilakukan. Dalam konteks ini, kelemahan dalam pemahaman tersebut mengakibatkan ruang-ruang persekitaran jalan tidak diberi perhatian dan mengakibatkan peningkatannya hanva menonjolkan nilai-nilai estetik sahaia. Persekitaran jalan bukan sekadar penghubung antara elemen Bandar dan laluan kenderaan tetapi juga sebagai tempat arena aktiviti bandar terutama aktiviti informal beriaku.

Kajian ini dibuat adalah untuk mengatasi masalah di samping cuba mengetengahkan kriteria - kriteria bagi mewujudkan sebuah persekitaran jalan yang baik dan secara lansung berjaya sebagai penyokong aktiviti bandar. Aspek - aspek yang dikaji dan terlibat secara langsung terhadap persekitaran jalan iaitu aspek gunatanah bandar, aktiviti manusia di pusat bandar. Konsep dan rekabentuk fizikal persekitaran jalan sedia ada, konflik antara lalulintas terhadap pejalan kaki dan faktorfaktor pengaruh yang berhubungkait secara lansung dengan persekitaran jalan iaitu aspek kualiti visual dan nodes. Analisis dan tinjauan ini dibuat adalah untuk mengetahui sejauh manakah keberkesanan perancangan persekitaran jalan sedia ada di samping mengetahui masalah-masalah atau kelemahan-kelemahan daripada perancangan ini.

Tumpuan kajian adalah pada pusat bandar Johor Bahru. Analisis dibuat berpandukan criteria dan faktor pengaruh yang telah dinyatakan. Semua aspek ini secara tidak langsung akan menentukan kefungsian persekitaran jalan dibandar.

Hasil daripada penemuan kajian ini akan menjadi kriteria-kriteria bagi perancangan rekabentuk laluan pejalan kaki yang dianggap sempuma dan memuaskan semua pihak sama ada kepada pejalan kaki, kenderaan ataupun Pihak Berkuasa Tempatan. Cadangan adalah berdasarkan kekuatan dan kelemahan kawasan kajian berkait dengan persekitaran jalan. Kriteria-kriteria yang dinyatakan digunakan sebagai panduan di dalam menyokong konsep persekitaran jalan.

## **ABSTRACT**

The function of street should be done with the understanding of real purpose. This aspect is related to the important function of street as the space of human activities. Understanding of this aspect can help in bringing the implementation of the enhancement street in more effective level. The lacks of understanding can cause the implementation only focus on the aesthetic value only. Street not only means for vehicles but also as a meeting point for human activities especially informal activities.

The purpose of this study is to solve problems related and producing criteria in providing a good and success street in urban areas. Aspects that related directly to street function were urban land use; human activities in town area, concept and physical design of streets, conflict between traffic and the walkways also the factors that influence indirect to the street. Purpose of the analysis and observations is to know the impressiveness of current street design and problems occur by current planning.

Focus analysis is to the Johor Bahru city center. The analyses are based on the criteria and the factors that influence which have been explain earlier. All the aspects indirectly will decide to the urban street function.

Findings of this study would be the criteria in designing proper and good streets whether to the users, cars or the local authority. The proposals were based on the strengths and the weaknesses of the site area influence to the streets. The criteria of efficient street will be use to this proposal. Those criteria were related to each other and use as guide and corroborate in producing the streets design concepts.